

**MEMBANDING KESAN KAEDAH LIMA FASA NEEDHAM, KAEDAH
STAD DAN KAEDAH KONVENSIONAL TERHADAP PENCAPAIAN,
KEMAHIRAN SOSIAL DAN MINAT MURID DALAM PENGAJARAN
SEJARAH TINGKATAN EMPAT**

MALAR A/P MUTHIAH

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

FEBRUARI 2010

PENGHARGAAN

Segala puji bagi Tuhan dengan rahmat dan izin-Nya tesis ini dapat disempurnakan. Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada beberapa individu yang mendorong, membantu, mengajar serta menjadi sumber motivasi dalam penyempurnaan tesis ini. Penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Profesor Madya Dr. Subadrah Madhawa Nair di Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia sebagai penyelia utama yang telah banyak memberi bimbingan, pertolongan dan dorongan yang amat berharga dan tidak terbalas. Doa sentiasa dipanjatkan kepada Tuhan semoga jasa baik yang telah diberikan diterima sebagai sebaik-baik amalan yang akan diberikan ganjaran di dunia dan di akhirat.

Profesor Madya Dr. Sharifah Norhaidah binti Syed Idros sebagai penyelia kedua yang juga banyak memberi tunjuk ajar terutama di peringkat awal penyediaan tesis sehingga ke peringkat pembentangan usul.

Dr. Abdul Ghani Ganesan Abdullah yang telah membaca, menyemak dan menilai usul penyelidikan yang dibentangkan. Terima kasih juga kepada Dr. Mohd Ali Samsuddin yang telah membantu menyemak instrumen dan beberapa draf daripada usul penyelidikan serta analisis statistik bagi bab 4.

Tidak lupa juga kepada pengetua, rakan-rakan guru dan pelajar di sekolah menengah di Kulim yang telah memberikan kerjasama yang amat memuaskan semasa menjalankan kajian rintis dan kajian sebenar.

Yang teristimewa suami tersayang Encik Vasu a/l Appukutty serta anakanda-anakanda yang dikasihi Shobithan a/l Vasu dan Varschini a/p Vasu yang selalu mendoakan kejayaan ini. Pengorbanan dan toleransi yang diberikan telah memberi kekuatan dan memudahkan laluan untuk menuju cita-cita.

Bonda yang dikasihi dan ahli keluarga yang sentiasa mendoakan kejayaanku mendidik dan mengajarku sehingga menjadi manusia yang berguna. Dengan kejayaan ini aku dapat menyambung perjuangan dan sumbanganmu terhadap anak bangsa, agama dan tanah air.

Rakan-rakan seperjuangan dan semua pihak yang turut membantu sama ada secara langsung dalam menyiapkan tesis ini. Semoga Tuhan membalas jasa baik kalian. Budi baik tuan/puan akan tetap menjadi ingatan.

Terima kasih.

Pengakuan

Adalah diakui bahawa karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali petikan dan ringkasan yang diperturunkan, yang tiap-tiap satu dijelaskan sumbernya.

Bertarikh: FEBRUARI 2010

(MALAR A/P MUTHIAH)

P-PD0015/05(R)

SUSUNAN KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGHARGAAN	ii
JADUAL KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	x
SENARAI SINGKATAN	xi
SENARAI LAMPIRAN	xii
ABSTRAK	xiii
BAB 1 : PENDAHULUAN	1
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Pernyataan Masalah	6
1.3 Rasional Kajian	12
1.4 Tujuan Kajian	14
1.5 Soalan Kajian	14
1.6 Hipotesis Kajian	16
1.7 Kepentingan Kajian	18
1.8 Batasan Kajian	20
1.9 Definisi Operasional	23
1.10 Kesimpulan	27
BAB 2 : TINJAUAN KAJIAN DAN BACAAN BERKAITAN	28
2.0 Pendahuluan	28
2.1 Kepentingan Kaedah Yang Berpusatkan Murid dalam Mata Pelajaran Sejarah	29
2.2 Teori Konstruktivisme Dan Pembelajaran	32
2.3 Perbezaan Antara Teori Konstruktivisme Kognitif Dengan Teori Konstruktivisme Sosial	38
2.4 Zon Perkembangan Proksimal (ZPD) dan kaedah STAD	40
2.5 Kajian Konstruktivisme Berkaitan Dengan Pencapaian Murid	45
2.6 Kaedah Lima Fasa Needham (1987)	51

2.6.1	Kesan Penggunaan Kaedah LFN Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran	55
2.7	Konsep Pembelajaran Pendekatan Koperatif	57
2.7.1	Rasional Pemilihan Kaedah STAD (<i>Student Team Achievement Divisions</i>)	62
2.7.2	Ciri-Ciri Kaedah STAD	63
2.7.3	Rumusan Literatur Kaedah STAD	68
2.8	Kerangka Teori	69
2.9	Kajian-kajian Kekekalan (<i>retention</i>) Pengetahuan Terhadap Pencapaian dan Minat Murid	71
2.10	Kesan Kaedah STAD ke atas Kemahiran Sosial	75
2.11	Kajian Tentang Minat terhadap Pembelajaran Sejarah	78
2.12	Perbezaan Antara Kaedah LFN, Kaedah STAD dan Kaedah Konvensional	82
2.13	Kerangka Konsep	85
2.14	Kesimpulan	86
	BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN	88
3.0	Pendahuluan	88
3.1	Reka Bentuk kajian	89
3.2	Ancaman yang mungkin Mempengaruhi Kesahan Dalam dan Luaran Kajian dan Langkah-langkah Mengawalnya	92
3.3	Persampelan Kajian	94
3.4	Pemboleh Ubah kajian	97
3.4.1	Pemboleh ubah bebas	98
3.4.2	Pemboleh ubah bersandar	99
3.5	Instrumen Kajian	99
3.5.1	Ujian Pencapaian Sejarah	100
3.5.2	Soal Selidik Kemahiran Sosial	105
3.5.3	Soal Selidik Minat Terhadap Sejarah	107
3.6	Kajian Rintis	110
3.7	Prosedur Kajian dan Pengumpulan Data	112
3.7.1	Taklimat bagi guru yang terlibat dalam kajian	112

3.8	Pengendalian Kaedah Pengajaran LFN, Kaedah STAD dan Kaedah Konvensional	113
3.8.1	Langkah Pengajaran Kaedah LFN bagi Kumpulan Eksperimen 1	113
3.8.2	Langkah Pengajaran Kaedah STAD bagi Kumpulan Eksperimen 2	116
3.8.3	Langkah Pengajaran Kaedah Konvensional bagi Kumpulan Kawalan	119
3.8.4	Perbandingan Kaedah Pengajaran bagi Ketiga-tiga Kumpulan	119
3.8.5	Pengumpulan Data Kajian	121
3.9	Perlaksanaan Kajian	121
3.10	Teknik Penganalisan Data Kajian	125
3.11	Kesimpulan	127
	BAB 4 : HASIL DAPATAN KAJIAN	128
4.0	Pengenalan	128
4.1	Penyemakan Kenormalan Data Kajian Sebenar	129
4.2	Analisis Deskriptif Kajian	130
4.2.1	Analisis Deskriptif Skor Min Pascaujian-1 Pencapaian Sejarah	131
4.2.2	Analisis Deskriptif Skor Min Pascaujian-2 Pencapaian Sejarah	133
4.2.3	Rumusan Hasil Analisis Statistik Deskriptif	134
4.3	Analisis Statistik Inferens	134
4.4	Analisis Statistik Inferens Pencapaian Keseluruhan Sejarah	136
4.4.1	Pengujian Hipotesis Nul bagi Pencapaian Keseluruhan Sejarah	137
4.4.2	Analisis Statistik Inferens Pencapaian Soalan Objektif	139
4.4.3	Analisis Statistik Inferens Pencapaian Soalan Struktur	141
4.4.4	Analisis Statistik Inferens Pencapaian Soalan Esei Sejarah	143
4.4.5	Analisis Statistik Inferens Kemahiran Sosial	145

4.4.6	Analisis Statistik Inferens Minat Terhadap Sejarah	148
4.5	Analisis Statistik Inferens Kesan Pemboleh Ubah Dalam dan Antara Subjek bagi Kekekalan Pengetahuan Sejarah	150
4.6	Analisis Statistik Inferens Kesan Pemboleh Ubah Dalam dan Antara Kumpulan bagi Kekekalan Kemahiran Sosial	158
4.7	Analisis Statistik Inferens Kesan Pemboleh Ubah Dalam dan Antara Kumpulan bagi Kekekalan Minat terhadap Sejarah	165
4.8	Kesimpulan Pengujian Hipotesis	172
4.9	Rumusan	174
	BAB 5 : PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN KESIMPULAN	175
5.0	Pendahuluan	175
5.1	Perbincangan, Dapatan dan Kesimpulan	177
5.1.1	Kesan Kaedah LFN, Kaedah STAD dan Kaedah Konvensional Terhadap Pencapaian Dalam Mata Pelajaran Sejarah Secara Keseluruhan	177
5.1.2	Kesan Kaedah LFN, Kaedah STAD dan Kaedah Konvensional Terhadap Pencapaian Soalan Objektif Sejarah	181
5.1.3	Kesan Kaedah LFN, Kaedah STAD dan Kaedah Konvensional Terhadap Pencapaian Soalan Struktur Sejarah	183
5.1.4	Kesan Kaedah LFN, Kaedah STAD dan Kaedah Konvensional Terhadap Pencapaian Soalan Esei Sejarah	185
5.1.5	Kesan Kaedah LFN, kaedah STAD dan Kaedah Konvensional terhadap Kemahiran Sosial	188
5.1.6	Kesan Kaedah LFN, Kaedah STAD dan Kaedah Konvensional terhadap Minat	190
5.2	Kesan Kaedah LFN, Kaedah STAD dan Kaedah Konvensional terhadap Kekekalan Pengetahuan Sejarah.	193
5.3	Kesan Kaedah LFN, Kaedah STAD dan Kaedah Konvensional terhadap Kekekalan Kemahiran Sosial	196
5.4	Kesan Kaedah LFN, Kaedah STAD dan Kaedah Konvensional Terhadap Kekekalan Minat	199

5.5	Rumusan Kesan Kaedah LFN dan Kaedah STAD terhadap Kekekalan Pengetahuan Sejarah, Kekekalan Kemahiran Sosial dan Kekekalan Minat terhadap Sejarah	203
5.6	Implikasi dan Cadangan Kajian	206
5.6.1	Implikasi dan Cadangan Penerapan Kaedah LFN dan Kaedah STAD dalam Kurikulum Pendidikan Guru	207
5.6.2	Implikasi Kepada Penulis Dan Penerbit Buku Teks Sejarah	208
5.6.3	Implikasi Terhadap Pendidik Guru	209
5.6.4	Implikasi Terhadap Penyelidikan	210
5.6.5	Implikasi Terhadap Guru Sejarah	211
5.6.6	Implikasi Terhadap Teori Konstruktivisme	212
5.7	Cadangan Kajian Masa Depan	213
5.8	Kesimpulan	215
	RUJUKAN	218
	LAMPIRAN	239

SENARAI JADUAL

BIL	SENARAI JADUAL	Muka surat
2.1	Perbezaan Kaedah LFN, Kaedah STAD dan Kaedah Konvensional	84
3.1	Reka Bentuk Pengukuran Berulangan (Tabachnick & Fidell, 2001) yang digunakan dalam Kajian	92
3.2	Ancaman Kajian Kuasi Eksperimen dan Langkah-Langkah Mengawal Ancaman Dalaman	93
3.3	Bilangan Sampel Kajian mengikut Kumpulan	95
3.4	Jumlah Pencapaian Subjek dalam Mata Pelajaran Sejarah PMR 2007.	96
3.5	Jadual Spesifikasi Soalan Pencapaian Sejarah	101
3.6	Skala Persetujuan Cohen Kappa	105
3.7	Skor bagi Kenyataan Soal Selidik Kemahiran Sosial	106
3.8	Skor bagi Kenyataan Soal Selidik Minat	109
3.9	Rangka Rancangan Pengajaran Berasaskan Kaedah LFN	115
3.10	Rangka Rancangan Pengajaran Kaedah STAD	118
3.11	Pengajaran bagi Tiga Kumpulan	120
3.12	Perlaksanaan Kajian	123
3.13	Tajuk-Tajuk yang diajar kepada Murid Kumpulan Eksperimen 1 dan Kumpulan Eksperimen 2 dan Kumpulan Kawalan selama Lapan Minggu	124
4.1	Statistik Deskriptif bagi Skor Praujian Pencapaian Sejarah	130
4.2	Statistik Deskriptif bagi Skor Pascaujian-1 Pencapaian Sejarah	132
4.3	Statistik Deskriptif bagi Skor Pascaujian-2 Pencapaian Sejarah	133
4.4	Ujian <i>ANOVA satu hala</i> Untuk Praujian Bagi Pencapaian Sejarah, Kemahiran Sosial dan Minat terhadap Sejarah	135
4.5	Ujian <i>ANOVA satu hala</i> dalam Pascaujian-1 Antara Kumpulan bagi pencapaian Sejarah	138
4.6	Ujian Post Hoc Tukey bagi Pencapaian Sejarah dalam Pascaujian-1	138
4.7	Ujian <i>ANOVA satu hala</i> dalam Pascaujian-1 antara Kumpulan bagi Soalan Objektif	140
4.8	Ujian Post Hoc Tukey bagi Soalan Objektif dalam Pascaujian-1	140
4.9	Ujian <i>ANOVA satu hala</i> bagi soalan struktur dalam Pascaujian-1 Antara Kumpulan	142
4.10	Ujian Post Hoc Tukey bagi Soalan Struktur dalam Pascaujian-1	142
4.11	Ujian <i>ANOVA satu hala</i> dalam Pascaujian-1 antara Kumpulan bagi Soalan Esei	144

4.12	Ujian Post Hoc Tukey bagi Soalan Esei dalam Pascaujian-1	144
4.13	Ujian <i>ANOVA satu hala</i> dalam Pascaujian-1 Antara Kumpulan bagi Kemahiran Sosial	146
4.14	Ujian Post Hoc Tukey Bagi Kemahiran Sosial	147
4.15	Ujian <i>ANOVA satu hala</i> dalam Pascaujian-1 Antara Kumpulan bagi Minat terhadap Sejarah	149
4.16	Ujian Post Hoc Tukey bagi Minat Terhadap Sejarah	149
4.17	Keputusan Ujian <i>MANOVA</i> dengan Pengukuran Berulang bagi Pencapaian Sejarah	152
4.18	Keputusan Ujian <i>Univariate</i> bagi Kekekalan Pengetahuan Sejarah	153
4.19	Keputusan Ujian <i>Univariate</i> bagi Kesan Pemboleh Ubah antara Kumpulan terhadap Skor Pencapaian Sejarah	154
4.20	Analisis Susulan Kesan Interaksi Kaedah dengan Waktu Ujian	157
4.21	Keputusan Ujian <i>Multivariate</i> untuk Skor Kekekalan Kemahiran Sosial	160
4.22	Keputusan Ujian <i>Univariate</i> bagi Kesan Pemboleh Ubah dalam Kumpulan terhadap Skor Kekekalan Kemahiran Sosial	161
4.23	Keputusan Ujian <i>Univariate</i> bagi Kesan Pemboleh ubah antara Kumpulan terhadap Skor Kemahiran Sosial	162
4.24	Keputusan Ujian <i>ANOVA</i> Pengukuran Berulang bagi Kekekalan Kemahiran Sosial	164
4.25	Keputusan Ujian <i>Multivariate</i> Untuk Skor Minat terhadap Sejarah	167
4.26	Keputusan Ujian <i>Univariate</i> bagi Kesan Pemboleh Ubah dalam Kumpulan terhadap Skor Kekekalan Minat terhadap Sejarah	168
4.27	Keputusan Ujian <i>Univariate</i> bagi Kesan Pemboleh Ubah antara Kumpulan terhadap Skor Kekekalan Minat terhadap Sejarah	169
4.28	Keputusan Ujian <i>ANOVA</i> Pengukuran Berulang bagi Kekekalan Minat terhadap Sejarah	171
4.29	Rumusan Pengujian Hipotesis Kajian	173

SENARAI RAJAH

	Muka Surat	
2.1	Fasa-Fasa Dalam Kaedah Lima Fasa Needham	52
2.2	Ciri Asas dalam Pendekatan Koperatif	61
2.3	Kerangka Teori Kajian	71
2.4	Kerangka Konsep Kajian	87
3.1	Reka Bentuk Kajian Kuasi Eksperimen	91
4.1	Carta Palang Skor Min Praujian Berdasarkan Jenis Kaedah	131

4.2	Carta Palang Skor Min Praujian dan Pascaujian-1 Berdasarkan Jenis Kaedah	132
4.3	Carta Palang Skor Perbezaan Min Praujian, Pascaujian 1 dan Pascaujian-2 Berdasarkan Jenis Kaedah	133
4.4	Rajah Kekekalan Pengetahuan Sejarah	155
4.5	Rajah Kekekalan Kemahiran Sosial	163
4.6	Rajah Kekekalan Minat terhadap Sejarah	169

SENARAI SINGKATAN

	Muka surat	
1.1	Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR)	2
1.2	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM)	2
1.3	Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)	2
1.4	Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK)	3
1.5	Huraian Sukatan Pelajaran (HSP)	3
1.6	Sekolah Menengah Rendah (SMR)	4
1.7	Sekolah Menengah Atas (SMA)	4
1.8	Falsafah Pendidikan Negara (FPN)	4
1.9	Kurikulum Lama Sekolah menengah (KLSM)	6
2.0	Lima Fasa Needham (LFN)	6
2.1	Student Team Achievement Divisions (STAD)	6
2.2	Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan (JNSP)	8
2.3	Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif (KBKK).	8

SENARAI LAMPIRAN

	Muka surat	
A	Keputusan Peperiksaan SPM 2005, 2006 dan 2007	239
B	Tinjauan Awal Masalah Pengajaran dan Pembelajaran	240
C	Soalan Praujian, Pascaujian-1 dan Pascaujian-2	242
D	Analisa Kuder Richardson (kr-20)	251
E	Skema Permarkahan Praujian, Pascaujian-1 dan Pascaujian-2	252
F	Soal selidik Kemahiran Sosial	257
G	Soal selidik Minat terhadap Sejarah	258
H	Rancangan Pengajaran Berasaskan kaedah LFN	259
I	Borang senarai semak bagi guru kumpulan kajian	277
J	Rancangan Pengajaran Berasaskan kaedah STAD	279
K	Surat Kebenaran BPPDP	295
L	Surat Kebenaran Melaksanakan Kajian (JPN)	296
M	Data dapatan ujian skewness dan kurtosis	297
N	Plot Q-Q bagi ujian kenormalan data pencapaian Sejarah	298
O	Plot Q-Q bagi ujian kenormalan data kemahiran sosial	300
P	Plot Q-Q bagi ujian kenormalan data minat terhadap Sejarah	302

**MEMBANDING KESAN KAEDAH LIMA FASA NEEDHAM, KAEDAH
STAD DAN KAEDAH KONVENSIONAL TERHADAP PENCAPAIAN,
KEMAHIRAN SOSIAL DAN MINAT MURID DALAM PENGAJARAN
SEJARAH TINGKATAN EMPAT**

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menyiasat kesan penggunaan kaedah Lima Fasa Needham, kaedah STAD dan kaedah konvensional terhadap pencapaian, kemahiran sosial dan minat murid terhadap sejarah. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti sama ada terdapat kesan kekekalan pengetahuan Sejarah, kekekalan kemahiran sosial, dan kekekalan minat terhadap sejarah selepas pengajaran dengan menggunakan kaedah Lima Fasa Needham, kaedah STAD dan kaedah konvensional. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuasi eksperimen dan dijalankan selama empat belas minggu. Sampel kajian ialah 215 orang murid Tingkatan Empat daripada tiga buah sekolah menengah dari daerah Kulim, Kedah. Ujian pencapaian Sejarah, soal selidik kemahiran sosial dan soal selidik minat terhadap Sejarah telah digunakan bagi melihat perubahan pada pemboleh ubah bersandar. Data yang diperoleh telah dianalisis dengan menggunakan ujian *ANOVA* satu hala, ujian *Post Hoc Tukey*, analisis *MANOVA* Pengukuran Berulang dan ujian *univariate*. Kajian ini telah menghasilkan beberapa dapatan yang menarik. Bagi pencapaian sejarah, kemahiran sosial dan minat terhadap sejarah Kumpulan Eksperimen 1 menunjukkan peningkatan yang lebih tinggi dan signifikan berbanding dengan Kumpulan Eksperimen 2 dan Kumpulan Kawalan. Hasil dapatan *MANOVA* Pengukuran Berulang dan analisis *univariate* menunjukkan Kumpulan Eksperimen 1 mempunyai kekekalan pengetahuan sejarah dan kekekalan minat terhadap sejarah yang tinggi dan signifikan berbanding dengan Kumpulan Eksperimen 2 dan Kumpulan Kawalan. Kumpulan Eksperimen 2 memperoleh kekekalan kemahiran sosial yang lebih tinggi dan signifikan berbanding dengan Kumpulan Eksperimen 1 dan Kumpulan Kawalan. Kaedah Lima Fasa Needham kaedah yang mampu mengekalkan pengetahuan dan minat murid terhadap sejarah. Kesimpulannya, kaedah Lima Fasa Needham dan kaedah STAD boleh digunakan untuk kekekalan pengetahuan sejarah, kemahiran sosial serta minat terhadap mata pelajaran Sejarah.

COMPARING THE EFFECTS OF USING THE FIVE PHASE NEEDHAM METHOD, THE STAD METHOD AND THE CONVENTIONAL METHOD TOWARDS THE ACHIEVEMENT, SOCIAL SKILLS AND STUDENT'S INTEREST IN THE TEACHING OF FORM FOUR HISTORY

ABSTRACT

This research aims to investigate the effect of using the Five Phase Needham method, the STAD method and the conventional method towards the achievement of history, social skills and student interest in history. This study also aims to determine if there are effects of retention in the knowledge of history, social skills and students interest in history after students had been taught using the Five Phase Needham method, the STAD method and the conventional method. This study used the quasi-experimental design which was carried out for fourteen weeks. The study sample comprised 215 Form Four students from three secondary schools in the Kulim district in Kedah. A history achievement test, a questionnaire on social skills and a questionnaire on interest in history were used to determine changes in dependent variables. The derived data was analysed using the one-way ANOVA, the Post Hoc Tukey test, MANOVA repeated measure analysis, and the univariate test. The study revealed several interesting findings. There was significant increase for Experimental Group 1 compared to Experimental Group 2 and the Control Group for achievement tests, social skills and interest in history. The findings of the MANOVA repeated measure and the univariate test showed that Experimental Group 1 showed a higher and more significant increase for the retention in history knowledge and retention of interest in history compared to Experimental Group 2 and the Control Group. Experimental Group 2 obtained higher and more significant retention in social skills compared to Experimental Group 1 and the Control Group. Therefore, it can be summed up that the Five Phase Needham and STAD are be used to maintain the knowledge, social skills and interest towards the History subject.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Di dalam bab ini pengkaji membincangkan latar belakang dan perkembangan mata pelajaran Sejarah di Malaysia. Penekanan diberi dari segi perkembangan kurikulum mata pelajaran Sejarah serta kepentingannya dalam pembangunan negara dan bangsa. Seterusnya, pengkaji menjurus kepada pernyataan masalah bagi kajian ini yang diperjelaskan berserta dengan objektif, hipotesis, kepentingan dan batasan kajian. Di akhir bab ini, definisi operasional bagi istilah-istilah yang digunakan di dalam kajian ini juga dijelaskan.

1.1 Latar Belakang Kajian

Kualiti sistem pendidikan sesebuah negara memberi kesan secara langsung kepada kemajuan dan kepesatan pembangunan negara. Kepentingan sistem pendidikan dalam pembangunan di negara kita memang tidak dapat disangkal lagi. Bagi menghadapi era globalisasi, sistem pendidikan negara kita perlu menghadapi pelbagai perubahan. Sistem pendidikan memainkan peranan penting sebagai satu

egen penggerak bagi melahirkan warganegara yang setia dan bersatu padu di samping dapat menguasai pelbagai ilmu serta kemahiran.

Sekitar tahun 1980-an sistem pendidikan di negara kita memperlihatkan keprihatinan terhadap peningkatan kualiti pendidikan dari segi kurikulum, kokurikulum, sistem pendidikan guru, perancangan dan pengurusan dan memperkenalkan beberapa inovasi pendidikan yang lain. Antaranya ialah Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) pada tahun 1983 yang menekankan konsep 3M iaitu kemahiran membaca, menulis dan mengira di sekolah rendah. Ini diikuti dengan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) pada tahun 1989 yang memberi penekanan kepada konsep bersepadu, seimbang dan menyeluruh. Perubahan ini mempengaruhi isi kandungan mata pelajaran Sejarah kerana dianggap satu pelaburan jangka panjang negara untuk melahirkan warganegara yang dapat memberi sumbangan dalam usaha memajukan masyarakat dan negara.

Dalam hal ini, Sukatan Mata Pelajaran Sejarah telah mengalami satu perubahan besar mulai tahun 1989 kerana Sejarah dijadikan sebagai mata pelajaran teras bagi semua murid dari Tingkatan Satu hingga Tingkatan Lima. Mulai tahun 1992, semua murid Tingkatan Empat di seluruh Malaysia diwajibkan mengambil mata pelajaran Sejarah sebagai mata pelajaran teras. Mulai tahun 1993, mata pelajaran Sejarah diuji di peringkat Tingkatan Lima bagi semua calon yang menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Betapa signifikannya pendidikan Sejarah kepada pembangunan insan dan negara, dapat dilihat dari segi matlamat pendidikan Sejarah dalam sistem pendidikan negara. Pendidikan Sejarah bertujuan untuk memupuk dan memperkukuhkan semangat setia negara dan jati diri sebagai warganegara Malaysia dan warga dunia (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2000).

Langkah mewajibkan murid mempelajari Sejarah adalah usaha memartabatkan mata pelajaran Sejarah selaras dengan usaha memupuk dan melahirkan generasi yang bersemangat patriotik dan cintakan tanah air. Seterusnya, mata pelajaran Sejarah bertujuan mewujudkan semangat perpaduan dan kekitaan dalam pelbagai bangsa di Malaysia, di samping dapat mewujudkan nostalgia bersama terhadap peristiwa Sejarah sebagai kerangka rujukan kesedaran kebangsaan dan persefahaman antara bangsa. Berdasarkan matlamat mata pelajaran Sejarah, adalah diharapkan para murid hari ini dapat menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang harmoni, kukuh semangat perpaduannya, dan seterusnya menjadi negara maju menjelang tahun 2020.

Justeru, menurut Jamaliyah Shaik Abdullah (2003) mata pelajaran Sejarah kini mempunyai peranan yang lebih besar dalam menempuh alaf abad ke-21. Keperluan semasa telah menyebabkan Kementerian Pelajaran Malaysia khususnya Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) telah mengambil langkah untuk menyemak semula (*review*) Sukatan Pelajaran Sejarah pada tahun 2001. Ini bertujuan untuk membentuk pendidikan yang relevan dan terkini dalam melahirkan generasi yang cemerlang. Aspek yang ditekankan dalam Huraian Sukatan Pelajaran (HSP) Sejarah Tingkatan Empat (2002) ialah aspek kognitif, afektif, psikomotor dan pelbagai kemahiran seperti kemahiran berfikir, kemahiran belajar, teknologi maklumat, teori pelbagai kecerdasan dan kajian masa depan.

Huraian Sukatan Pelajaran (HSP) Sejarah Tingkatan Empat (2002) juga menekankan penerapan nilai murni dan patriotik. Semua elemen ini diharap dapat diaplikasikan oleh murid dalam kehidupan seharian terutamanya dalam alam pekerjaan kelak. Huraian Sukatan Pelajaran Sejarah Tingkatan Empat (2002) mencadangkan agar dalam pengajaran guru memberikan tumpuan kepada

pemahaman dan penghayatan sejarah perkembangan bangsa dan negara serta peradaban manusia dalam pelbagai aspek kehidupan. Dalam Huraian Sukatan Pelajaran Sejarah Tingkatan Empat (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2002) juga dijelaskan :

Antara objektif pengajaran dan pembelajaran Sejarah KBSM iaitu :

- a) Menyatakan kepentingan mata pelajaran Sejarah sebagai satu disiplin ilmu.
- b) Menjelaskan perkembangan masyarakat dan negara dari segi politik, ekonomi dan sosial.
- c) Menghuraikan ciri-ciri kemasyarakatan dan kebudayaan Malaysia dan amalkannya dalam kehidupan seharian.
- d) Menghargai usaha dan sumbangan tokoh-tokoh yang memperjuangkan kedaulatan, kemerdekaan dan pembangunan negara serta mempertahankan maruah bangsa.
- e) Memiliki semangat patriotik dan melibatkan diri dalam usaha mempertahankan kedaulatan, pembangunan dan kemajuan negara.
- f) Menjelaskan kedudukan Malaysia sebagai sebahagian daripada peradaban dunia dan sumbangannya di peringkat antarabangsa.
- g) Mengambil iktibar daripada pengalaman Sejarah untuk mempertingkatkan daya pemikiran dan kematangan.
- h) Mengamalkan nilai-nilai murni.
- i) Menganalisis, merumus dan menilai fakta-fakta Sejarah Malaysia dan dunia secara rasional.

(Pusat Perkembangan Kurikulum, 2002 hlm. 2)

Objektif pengajaran dan pembelajaran Sejarah KBSM merupakan usaha ke arah perolehan fakta, kemahiran pemikiran Sejarah dan pengamalan iktibar Sejarah daripada penghayatan peristiwa masa lalu yang menjadi teras pencorakan negara masa kini. Mata pelajaran Sejarah mempunyai perkaitan rapat dengan disiplin lain dan sangat penting dalam memupuk ciri-ciri kewarganegaraan dan patriotik dalam kalangan masyarakat sejak bangku sekolah lagi. Justeru, di peringkat Sekolah Menengah Rendah (SMR) kurikulum mata pelajaran Sejarah lebih berbentuk rentetan peristiwa tentang aspek kehidupan masyarakat dan negara dari segi politik, ekonomi dan sosial. Rentetan peristiwa ini disusun secara kronologi supaya murid dapat

memahami proses perkembangan masyarakat dan negara. Ini kerana melalui sistem kurikulum berbentuk rentetan diharap dapat memupuk semangat setia negara dan perasaan bangga sebagai rakyat Malaysia melalui pengetahuan dan penghayatan sejarah tanahair (Sukatan Pelajaran Sejarah, 2002). Kurikulum Sejarah Menengah Atas (SMA) pula dirancang dengan tujuan supaya murid memperoleh perspektif yang lebih luas tentang proses perkembangan masyarakat dan negara. Perkembangan sejarah dan proses evolusi peradaban dunia dikaji bagi melengkapkan perspektif mata pelajaran Sejarah.

Berasaskan kepada perbincangan di atas kesedaran yang mendalam tentang kepentingan sejarah negara kita yang telah melalui pelbagai cabaran dan kejayaan hanya boleh dihayati melalui mata pelajaran Sejarah. Bagi mewujudkan kebanggaan dan keperibadian bangsa Malaysia kita perlukan satu perubahan dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran sejarah di sekolah selaras dengan aliran pendidikan terkini yang menekankan kaedah berpusatkan murid. Di samping itu, perubahan kepada kaedah yang berpusatkan murid boleh membantu bagi menjayakan hasrat Falsafah Pendidikan Negara (FPN) iaitu penekanan kepada perkembangan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu. Justeru, pemilihan kaedah pengajaran guru yang sesuai dapat membantu melahirkan murid yang mempunyai pemahaman dan penghayatan yang mendalam tentang proses perkembangan masyarakat dan negara.

1.2 Pernyataan masalah

Di Malaysia mata pelajaran Sejarah diberikan satu kedudukan yang penting dalam kurikulum pendidikan kebangsaan; ini selaras dengan matlamat Falsafah Pendidikan Negara yang menekankan perkembangan yang seimbang dan bersepadu dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Mata pelajaran Sejarah dianggap penting bagi mencapai matlamat pembinaan bangsa dan negara melalui pembelajaran maklumat atau fakta yang membantu dalam meningkatkan pemahaman murid tentang peristiwa sejarah. Proses mengingat maklumat atau fakta bukanlah persoalan yang ingin dinyatakan di sini. Menurut Hazri Jamil (2003), langkah mewajibkan mata pelajaran Sejarah di sekolah sekali gus memerlukan perubahan penting supaya menjadikan pengajaran dan pembelajaran menarik di dalam bilik darjah. Inovasi dan kaedah baru dalam pengajaran sejarah diperlukan bagi menjadikan mata pelajaran Sejarah lebih menarik dan diminati oleh murid.

Masalah pengajaran sejarah di bilik darjah yang diutarakan oleh Hazri Jamil (2003) disokong oleh Mohd Noor Mohd Taib (2006), Azman Omar (2006) dan Saridah Yusoff (2007) yang memberi gambaran situasi pelaksanaan mata pelajaran Sejarah dalam bilik darjah yang menimbulkan pelbagai tanggapan dan kritikan. Hasil dapatan kajian mereka menunjukkan, murid tidak berminat untuk mempelajari mata pelajaran Sejarah kerana kaedah pengajaran guru yang kurang berkesan dan membosankan. Di samping itu, sering timbul tanggapan bahawa pembelajaran sejarah memerlukan pembacaan longgokan buku yang banyak, dan usaha yang kuat untuk menghafal nama, tarikh yang memerlukan masa yang panjang untuk dipelajari.

Bersesuaian dengan masalah di atas, hasil dapatan kajian Abdul Manan Mohd Din (2005), Formwalt (2005), Doreen (2004), Abdul Malek Selamat (2004), Abdul Rahim Rashid (2002), Aini Hassan (1998) dan Siti Rohah Abdullah (1998) juga menjelaskan faktor utama yang menyebabkan kelemahan dalam amalan pengajaran dan pembelajaran sejarah di bilik darjah ialah sikap guru. Perkara yang sering berlaku ialah guru Sejarah sendiri tidak mengambil berat mengenai kepentingan dan matlamat sebenar mata pelajaran Sejarah. Pengajaran guru lebih menekankan pembelajaran bercorak hafalan, terikat dengan penggunaan buku teks dan berorientasikan peperiksaan semata-mata. Ketandusan inovasi dan pembaharuan dari segi kaedah pengajaran menyebabkan murid merasakan mata pelajaran Sejarah stereotaip, tidak mencabar dan membosankan. Oleh itu, guru perlu mempelbagaikan kaedah pengajaran sejarah supaya murid berminat terhadap mata pelajaran Sejarah yang secara langsung membantu mereka menguasai isi pelajaran dengan berkesan terutamanya dalam kalangan murid yang mempunyai tahap kecerdasan yang berbeza.

Berhubung dengan perkara di atas guru perlu memberi perhatian terhadap kepentingan menggunakan kaedah pengajaran yang sesuai dalam mengajar mata pelajaran Sejarah. Kaedah yang digunakan oleh guru dalam menyampaikan ilmu pengetahuan dan kemahiran boleh membantu murid memahami dan mengingati fakta sejarah dengan lebih baik. Selain itu, kaedah pengajaran yang dipilih oleh guru juga harus memberi peluang kepada murid bagi memahami pelbagai idea dan maklumat seperti konsep, pengetahuan idea, teori dan isu kompleks yang tersirat dalam mata pelajaran Sejarah.

Tambahan pula, laporan mata pelajaran Sejarah oleh Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan (JNSP) pada tahun 2002 juga mendapati kebanyakan guru Sejarah masih menggunakan kaedah tradisional dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah dan

kurang menekankan aktiviti yang berpusatkan murid. Laporan Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan juga menyarankan supaya guru mempelbagaikan kaedah pengajaran yang berpusatkan murid dan kaedah inkuiri sejarah. Daripada laporan tersebut dapatlah dirumuskan bahawa kaedah tradisional, kaedah penerangan dan membaca buku teks sahaja tidak memadai bagi murid untuk mendapatkan pengetahuan yang mendalam tentang sesuatu peristiwa sejarah. Oleh itu, salah satu peranan guru yang penting ialah memilih kaedah yang dapat membantu murid membina pemahaman sendiri dengan mengemukakan soalan, mengorganisasi maklumat, menganalisis dan mentafsir sesuatu peristiwa.

Laporan Lembaga Peperiksaan SPM tahun 2005 melaporkan murid lemah dalam menjawab soalan yang berbentuk aplikasi, analisis dan sintesis kerana murid terlalu banyak menghafal dan meramal topik-topik Sejarah.

“Calon kebanyakannya gagal memahami sebahagian daripada kehendak soalan dan menjawab secara umum terutamanya bagi soalan berbentuk Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif (KBKK). Soalan-soalan yang dijawab ialah soalan yang berbentuk aras **pengetahuan dan kefahaman.**”

(Laporan Lembaga Peperiksaan SPM 2005, hlm. 107)

Berasaskan laporan di atas adalah jelas murid menghadapi masalah dalam mengemukakan fakta, menghuraikan fakta dengan terperinci dan mengaplikasikan pengetahuan ketika menjawab soalan. Ini memberi gambaran bahawa murid hanya menghafal sesuatu fakta dan gagal mengapikasi pengetahuan sejarah seperti kehendak soalan. Laporan ini juga secara keseluruhan mengukuhkan kelemahan yang wujud dalam kaedah pengajaran guru Sejarah di sekolah yang kurang melatih murid membuat analisis, mentafsir maklumat dan mengorganisasi maklumat. Secara amalnya, dalam pengajaran berpusatkan guru, murid tidak berpeluang untuk melibatkan diri dalam proses pembelajaran secara aktif. Hal ini menghalang murid

membina pengetahuan baru dengan mengaitkan pengetahuan sedia ada Hal ini menghalang murid membina pengetahuan baru dengan mengaitkan pengetahuan sedia ada. Selain itu, interaksi dalam bentuk perbincangan dalam kumpulan kecil juga terhad sewaktu pengajaran berpusatkan guru berbanding dengan kaedah berpusatkan murid.

Analisis keputusan mata pelajaran Sejarah SPM bagi tahun 2005, 2006 dan 2007 bagi 18 buah sekolah menengah di daerah Kulim, Kedah juga menunjukkan pencapaian murid kurang memuaskan kerana bagi kebanyakan sekolah peratus murid yang mendapat pencapaian cemerlang kurang daripada 10%. Bagi tahun 2005 hanya dua buah sekolah, yang lebih daripada 10% muridnya mendapat keputusan cemerlang. Bagi tahun 2006 sebanyak enam buah sekolah, yang lebih daripada 10% muridnya mendapat keputusan cemerlang. Manakala bagi tahun 2007 pula hanya empat buah sekolah, yang lebih daripada 10% muridnya mendapat pencapaian cemerlang (Lampiran A).

Seterusnya, pada tahun 2008 pengkaji telah menjalankan satu tinjauan awal tentang masalah pengajaran dan pembelajaran sejarah dalam kalangan 20 orang guru Sejarah di daerah Kulim, Kedah Darul Aman ((Lampiran B). Hasil tinjauan kajian tersebut menunjukkan seramai 17 orang (85%) guru Sejarah lebih suka menggunakan kaedah berpusatkan guru dan hanya 3 orang (15%) sahaja yang berminat menggunakan kaedah berpusatkan murid. Selain itu, seramai 20 orang (100%) guru Sejarah gemar memilih topik-topik penting dan hanya memberi tumpuan pada topik-topik tersebut dalam pengajaran sejarah. Topik-topik yang sudah keluar dalam peperiksaan pada tahun sebelumnya tidak diajar dan kurang diberi tumpuan.

Hasil dapatan tinjauan awal pengkaji juga menunjukkan guru Sejarah di daerah Kulim, Kedah lebih terikat dengan kaedah pengajaran berpusatkan guru berbanding kaedah berpusatkan murid. Hasil tinjauan awal juga menjelaskan guru Sejarah tidak mengamalkan kaedah konstruktivisme dan kaedah STAD di dalam bilik darjah. Oleh itu, kelemahan dalam kaedah pengajaran sejarah perlu diatasi oleh guru Sejarah dengan memberi perhatian kepada kaedah pengajaran yang boleh membantu murid untuk membina pengetahuan mereka sendiri. Murid juga perlu membina konsep sejarah dan memahami peristiwa sejarah melalui aktiviti '*hands on*' dan '*minds on*'. Pemilihan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dapat menggalakkan perkembangan kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis serta menimbulkan minat murid terhadap mata pelajaran Sejarah.

Berasaskan Laporan Lembaga Peperiksaan SPM (2005), laporan mata pelajaran Sejarah oleh Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan (JNSP) dan tinjauan awal pengkaji di daerah Kulim, Kedah menunjukkan pencapaian murid dalam mata pelajaran Sejarah rendah di peringkat SPM bagi daerah Kulim, Kedah. Justeru, daripada permasalahan tersebut dapatlah dirumuskan guru Sejarah kurang menggunakan kaedah berpusatkan murid kurang melibatkan murid dalam aktiviti pembelajaran dan kurang menyediakan aktiviti pembelajaran yang boleh mencabar pemikiran dan daya imaginasi murid sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran sejarah.

Justeru, dalam kajian ini pengkaji ingin menggunakan kaedah Lima Fasa Needham dan kaedah STAD bagi pengajaran sejarah Tingkatan Empat di daerah Kulim, Kedah. Kaedah Lima Fasa Needham merupakan kaedah yang berpusatkan murid dan berasaskan teori konstruktivisme yang telah diasaskan oleh Dewey (1938) dan Piaget (1970). Kaedah Lima Fasa Needham dibina oleh Needham pada tahun

1987 di United Kingdom bagi mengajar mata pelajaran Sains di sekolah rendah. Dalam kajian ini pengkaji menggunakan kaedah Lima Fasa Needham yang disesuaikan dengan Sukatan Pelajaran Sejarah, Huraian Semakan Sukatan Pelajaran Sejarah Tingkatan Empat dan buku teks sejarah bagi merancang pengajaran sejarah selama 14 minggu bagi murid Tingkatan Empat di daerah Kulim.

Kaedah Lima Fasa Needham membina pengetahuan murid berasaskan lima fasa iaitu fasa orientasi, fasa pencetusan idea, fasa penstrukturan semula idea, fasa aplikasi idea dan fasa refleksi. Pada fasa orientasi, guru Sejarah akan menyediakan suasana pembelajaran yang boleh menimbulkan minat terhadap pembelajaran. Pada fasa pencetusan idea guru akan menggalakkan murid mencetuskan idea dan membimbing murid untuk membuat pembelajaran inkuiri Sejarah. Pada fasa penstrukturan semula idea, guru akan mencabar idea asal murid dan membimbing murid membina struktur pengetahuan dan pada fasa aplikasi idea, murid boleh dilatih untuk menyelesaikan masalah dalam situasi baru dan pada fasa refleksi murid akan membuat refleksi tentang kepentingan dan iktibar peristiwa Sejarah.

Kaedah STAD yang digunakan dalam kajian ini juga merupakan satu kaedah yang berpusatkan murid yang berasaskan teori konstruktivisme sosial yang telah diasaskan oleh Vygotsky (1930). Ciri terpenting dalam kaedah ini ialah kerjasama dalam kalangan murid yang mewujudkan pembelajaran bermakna. Kaedah STAD menggalakkan pembelajaran berkumpulan iaitu setiap murid dalam kumpulan kecil bekerjasama untuk melengkapkan tugas, berkongsi idea, saling membantu untuk menyelesaikan masalah, semua ahli kumpulan melibatkan diri secara aktif dan guru sebagai pembimbing.

Kaedah STAD juga mewujudkan interaksi sosial yang sihat dalam kalangan murid yang terdiri daripada pelbagai latar belakang yang bekerjasama untuk

melengkapkan tugas dan memperolehi skor kumpulan yang lebih tinggi serta mendapat ganjaran daripada guru. Dalam keadaan ini sewaktu perbincangan setiap murid akan mengenali rakan kumpulan mereka dengan lebih baik dan hubungan antara mereka akan menjadi lebih akrab. Dalam keadaan ini, proses pembelajaran aktif berlaku di sini akan mengorak langkah untuk perkembangan potensi individu secara keseluruhan dan bersepadu. Kaedah STAD memang sesuai diamalkan dalam bilik darjah terutamanya dalam kalangan murid yang terdiri daripada pelbagai etnik dan aras kecerdasan yang berbeza (Slavin, 1978).

1.3 Rasional Kajian

Rasional pemilihan kaedah Lima Fasa Needham dan kaedah STAD ialah kedua-dua kaedah berpusatkan murid. Guru merancang tajuk-tajuk pelajaran yang bersesuaian dengan kehidupan seharian. Murid sendiri terlibat secara aktif dalam mencari, memahami, mengelaskan maklumat dan menghubungkan pengetahuan lama dengan pengetahuan baru. Kaedah Lima Fasa Needham berasaskan teori konstruktivisme kognitif manakala kaedah STAD pula berasaskan teori konstruktivisme sosial. Kedua-dua kaedah ini menekankan penglibatan murid secara aktif dalam usaha mempelajari sesuatu konsep, memahami konsep dan murid mengaplikasikan konsep di persekitaran mereka.

Pelbagai kaedah pengajaran telah disyorkan dalam Huraian Sukatan Pelajaran Sejarah (2002) bagi meningkatkan pencapaian murid dalam mata pelajaran Sejarah. Namun begitu, pencapaian murid di daerah Kulim, Kedah masih belum memuaskan dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Masalah pencapaian murid yang kurang

memuaskan ini dikaitkan dengan pemilihan kaedah pengajaran sejarah yang kurang berkesan dalam mewujudkan pembelajaran bermakna.

Menurut Azman Omar (2007) di negara kita kajian tentang kesan kaedah Lima Fasa Needham dalam mata pelajaran Sejarah adalah sangat terhad. Kajian berasaskan kaedah Lima Fasa Needham telah dijalankan oleh Abdul Malek Selamat (2004) dan Chandrasegaran (2005) dalam mata pelajaran Sejarah. Manakala kajian tentang kesan kaedah STAD dalam mata pelajaran Sejarah telah dijalankan oleh Saridah Yusoff (2007), Goh Boon Ken (1998), Jacob et al (1998), Del Marie Rysavy dan Sales (1991). Setakat ini, tidak ada kajian yang membanding kesan penggunaan kaedah Lima Fasa Needham dan kaedah STAD dalam pengajaran Sejarah secara serentak dalam kalangan murid Tingkatan Empat.

Kajian berkaitan dengan kesan kaedah pengajaran Lima Fasa Needham dan kaedah STAD terhadap pencapaian banyak dilaksanakan di luar negara dan di Malaysia. Namun begitu, tidak ada kajian yang telah menguji kesan kaedah Lima Fasa Needham dan kaedah STAD ke atas kekekalan pengetahuan sejarah murid, kekekalan kemahiran sosial dan kekekalan minat murid terhadap sejarah di Malaysia. Oleh yang demikian, dalam kajian ini pengkaji ingin menguji kesan penggunaan kaedah Lima Fasa Needham, kaedah STAD dan kaedah konvensional terhadap kekekalan pengetahuan sejarah, kekekalan kemahiran sosial dan kekekalan minat terhadap sejarah dalam kalangan murid Tingkatan Empat.

Kaedah Lima Fasa Needham diperkenalkan pada tahun 1987, namun belum ada lagi kajian secara kuantitatif mahupun kaedah kualitatif yang dilaksanakan bagi menguji kesannya ke atas murid Tingkatan Empat bagi tajuk Sejarah Peradaban Dunia. Setakat ini kajian yang dilaksanakan hanya mengkaji kesannya bagi tempoh masa yang singkat. Dalam kajian ini pengkaji menjalankan kajian selama 14 minggu

iaitu Kumpulan Eksperimen 1 (diajar dengan kaedah Lima Fasa Needham) dan Kumpulan Eksperimen 2 (diajar dengan kaedah STAD) selama lapan minggu.

1.4 Tujuan Kajian

Dalam kajian ini sampel dibahagikan kepada tiga kumpulan iaitu Kumpulan Eksperimen 1, Kumpulan Eksperimen 2 dan Kumpulan Kawalan. Kumpulan Eksperimen 1 diajar dengan menggunakan kaedah Lima Fasa Needham, Kumpulan Eksperimen 2 diajar dengan menggunakan kaedah STAD dan Kumpulan Kawalan diajar dengan menggunakan kaedah konvensional. Tujuan kajian adalah untuk mengkaji kesan penggunaan tiga kaedah iaitu kaedah Lima Fasa Needham, kaedah STAD dan kaedah konvensional terhadap pencapaian sejarah murid. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti kesan penggunaan kaedah-kaedah tersebut terhadap kemahiran sosial dan minat murid terhadap mata pelajaran Sejarah. Kesan penggunaan kaedah-kaedah tersebut terhadap kekekalan (*retention*) pengetahuan murid, kekekalan kemahiran sosial, dan kekekalan minat terhadap mata pelajaran Sejarah turut dikaji.

1.5 Soalan Kajian

Dengan khususnya kajian ini mencari jawapan kepada soalan-soalan berikut:

- 1) Adakah murid Kumpulan Eksperimen 1 yang diajar dengan menggunakan kaedah Lima Fasa Needham mendapat skor pencapaian keseluruhan soalan Sejarah (soalan objektif, soalan struktur dan soalan esei) yang lebih tinggi dan

signifikan berbanding dengan murid Kumpulan Eksperimen 2 dan Kumpulan Kawalan.

- a) Adakah murid Kumpulan Eksperimen 1 yang diajar dengan menggunakan kaedah Lima Fasa Needham mendapat skor pencapaian yang lebih tinggi dan signifikan bagi soalan objektif berbanding dengan murid Kumpulan Eksperimen 2 dan Kumpulan Kawalan.
 - b) Adakah murid Kumpulan Eksperimen 1 yang diajar dengan menggunakan kaedah Lima Fasa Needham mendapat skor pencapaian yang lebih tinggi dan signifikan bagi soalan struktur berbanding dengan murid Kumpulan Eksperimen 2 dan Kumpulan Kawalan.
 - c) Adakah murid Kumpulan Eksperimen 1 yang diajar dengan menggunakan kaedah Lima Fasa Needham mendapat skor pencapaian yang lebih tinggi dan signifikan bagi soalan esei berbanding dengan murid Kumpulan Eksperimen 2 dan Kumpulan Kawalan.
- 2) Adakah subjek Kumpulan Eksperimen 1 yang diajar dengan menggunakan kaedah Lima Fasa Needham mendapat skor pencapaian yang lebih tinggi dan signifikan dalam kemahiran sosial berbanding dengan murid Kumpulan Eksperimen 2 dan Kumpulan Kawalan.
 - 3) Adakah subjek Kumpulan Eksperimen 1 yang diajar dengan menggunakan Lima Fasa Needham mendapat skor pencapaian yang lebih tinggi dan signifikan dalam minat terhadap mata pelajaran Sejarah berbanding dengan murid Kumpulan Eksperimen 2 dan Kumpulan Kawalan.
 - 4) Adakah murid Kumpulan Eksperimen 1 yang diajar dengan menggunakan kaedah Lima Fasa Needham mendapat skor kekekalan (*retention*) pencapaian keseluruhan Sejarah (soalan objektif, soalan struktur dan soalan esei) yang

lebih tinggi dan signifikan berbanding dengan murid Kumpulan Eksperimen 2 dan Kumpulan Kawalan.

- 5) Adakah murid Kumpulan Eksperimen 1 yang diajar dengan menggunakan kaedah Lima Fasa Needham mendapat skor kekekalan (*retention*) kemahiran sosial yang lebih tinggi dan signifikan berbanding dengan murid Kumpulan Eksperimen 2 dan Kumpulan Kawalan.
- 6) Adakah murid Kumpulan Eksperimen 1 yang diajar dengan menggunakan kaedah Lima Fasa Needham mendapat skor kekekalan (*retention*) minat terhadap sejarah yang lebih tinggi dan signifikan berbanding dengan murid Kumpulan Eksperimen 2 dan Kumpulan Kawalan.

1.6 Hipotesis Kajian

Sebanyak enam hipotesis diuji dalam kajian ini. Hipotesis-hipotesis tersebut dinyatakan dalam bentuk hipotesis nul pada paras signifikan 0.05. Hipotesis - hipotesis tersebut adalah seperti berikut:

Ho 1 Tidak ada perbezaan yang signifikan antara subjek Kumpulan Eksperimen 1 dengan Kumpulan Eksperimen 2 dan Kumpulan Kawalan dalam skor pencapaian secara keseluruhan bagi mata pelajaran Sejarah dalam pascaujian-1.

Ho 1.1 Tidak ada perbezaan yang signifikan antara subjek Kumpulan Eksperimen 1 dengan Kumpulan Eksperimen 2 dan Kumpulan Kawalan dalam skor

pencapaian soalan objektif bagi mata pelajaran Sejarah dalam pascaujian-1.

Ho 1.2 Tidak ada perbezaan yang signifikan antara subjek Kumpulan Eksperimen 1 dengan Kumpulan Eksperimen 2 dan Kumpulan Kawalan dalam skor pencapaian soalan struktur bagi mata pelajaran Sejarah dalam pascaujian-1.

Ho 1.3 Tidak ada perbezaan yang signifikan antara subjek Kumpulan Eksperimen 1 dengan Kumpulan Eksperimen 2 dan Kumpulan Kawalan dalam skor pencapaian soalan esei bagi mata pelajaran Sejarah dalam pascaujian-1.

Ho 2 Tidak ada perbezaan yang signifikan antara subjek Kumpulan Eksperimen 1 dengan Kumpulan Eksperimen 2 serta Kumpulan Kawalan dari segi peningkatan skor kemahiran sosial dalam pascaujian-1.

Ho 3 Tidak ada perbezaan yang signifikan antara subjek Kumpulan Eksperimen 1 dengan Kumpulan Eksperimen 2 dan Kumpulan Kawalan dari segi peningkatan skor minat subjek terhadap Sejarah dalam pascaujian-1.

Ho 4 Tidak ada perbezaan yang signifikan antara subjek Kumpulan Eksperimen 1 dengan subjek Kumpulan Eksperimen 2 dan murid Kumpulan Kawalan dari segi kekekalan (*retention*) pengetahuan

subjek bagi pencapaian dalam praujian, pascaujian-1 dan pascaujian-2.

Ho 5 Tidak ada perbezaan yang signifikan antara subjek Kumpulan Eksperimen 1 dengan subjek Kumpulan Eksperimen 2 serta subjek Kumpulan Kawalan dari segi peningkatan skor kekekalan (*retention*) bagi kemahiran sosial dalam praujian, pascaujian-1 dan pascaujian-2.

Ho 6 Tidak ada perbezaan yang signifikan antara subjek Kumpulan Eksperimen 1 dengan subjek Kumpulan Eksperimen 2 serta subjek Kumpulan Kawalan dari segi peningkatan skor kekekalan (*retention*) bagi minat terhadap mata pelajaran Sejarah dalam praujian, pascaujian-1 dan pascaujian-2.

1.7 Kepentingan kajian

Walaupun banyak kajian mengenai kaedah konstruktivisme dan kaedah STAD telah dijalankan di luar negara dan di Malaysia, namun kajian kekekalan pengetahuan sejarah, kekekalan kemahiran sosial dan kekekalan minat terhadap sejarah merupakan sesuatu yang baru bagi mata pelajaran Sejarah. Oleh itu, di harap hasil kajian ini boleh dijadikan garis panduan oleh guru Sejarah untuk menggunakannya di dalam bilik darjah bagi membantu meningkatkan kekekalan pengetahuan sejarah dalam kalangan murid.

Kaedah Lima Fasa Needham merupakan kaedah yang berasaskan teori konstruktivisme kognitif manakala kaedah STAD pula berasaskan teori konstruktivisme sosial yang boleh mengukuh dan membina pengetahuan baru murid .

Berasaskan kaedah Lima Fasa Needham dan kaedah STAD yang diutarakan, guru-guru boleh merancang dan membina rancangan pengajaran bagi menghubungkan pengetahuan sedia ada dengan pengetahuan baru. Dengan pengetahuan tentang pelbagai kaedah yang sesuai bagi pengajaran mata pelajaran Sejarah di dalam bilik darjah oleh guru secara tidak langsung boleh menarik minat murid terhadap mata pelajaran Sejarah.

Berdasarkan penggunaan kaedah Lima Fasa Needham murid boleh membina pengetahuan baru, menghubungkan pengetahuan sedia ada dengan baru, mengorganisasi fakta Sejarah dan mengaplikasikannya dalam situasi baru. Selain itu, penggunaan kaedah Lima Fasa Needham diharapkan dapat mengubah persepsi bahawa mata pelajaran Sejarah adalah satu mata pelajaran yang sukar yang mana hanya murid yang berkebolehan tinggi sahaja yang mendapat pencapaian cemerlang dalam matapelajaran Sejarah. Seterusnya, diharap lebih ramai murid akan berminat dalam mempelajari mata pelajaran Sejarah, meningkatkan prestasi murid serta membantu dalam kekekalan pengetahuan Sejarah dalam kalangan murid.

Kajian ini juga boleh memberi input kepada pentadbir sekolah tentang penjadualan masa dan bentuk sokongan yang harus diberikan bagi memperbaiki corak pengajaran sejarah yang lebih berkesan. Pihak pengetua mungkin akan lebih prihatin terhadap kepentingan kepelbagaian kaedah dalam mata pelajaran Sejarah serta menggalakkan guru menggunakan kaedah Lima Fasa Needham dan kaedah STAD di dalam bilik darjah. Di samping itu, beban tugas guru secara keseluruhan di sekolah boleh diatur agar mengambil kira keperluan guru bagi menyediakan bahan-bahan bantu mengajar yang boleh membantu mereka mengaplikasikan kaedah Lima Fasa Needham dan kaedah STAD di dalam bilik darjah. Sebagai contoh bagi kaedah

STAD guru perlu menyediakan soalan atau tugas sewaktu perbincangan kumpulan serta soalan-soalan bagi kuiz spontan.

Bagi pihak seperti Kementerian Pelajaran, Institusi Pendidikan Guru (IPG), Jabatan Pelajaran Negeri, Pusat Kegiatan Guru (PKG) dan pihak sekolah, kajian ini boleh memberi idea tentang bentuk latihan guru yang perlu dijalankan agar selaras dengan kehendak pengajaran dan pembelajaran berasaskan kaedah Lima Fasa Needham dan kaedah STAD. Para pentadbir dan pembuat dasar berkaitan mata pelajaran Sejarah akan memahami keperluan dan cabaran yang dihadapi oleh guru mata pelajaran Sejarah dalam melahirkan murid yang cemerlang, berwawasan serta menerapkan konsep satu Malaysia.

Dapatan kajian ini juga dapat memberi maklum balas kepada para penerbit bahan pendidikan, penulis buku teks sejarah dan penerbit pelbagai media pengajaran supaya menyediakan aktiviti-aktiviti yang selaras dengan langkah-langkah dalam kaedah Lima Fasa Needham dan kaedah STAD. Usaha tersebut dapat membantu murid untuk mengingati dan memahami konsep-konsep penting dalam Sejarah. Di samping itu, penggunaan kaedah-kaedah tersebut boleh meningkatkan pemahaman murid dari segi kognitif dan afektif serta membantu murid dalam kekekalan pengetahuan sejarah murid dalam tempoh masa yang lebih lama.

1.8 Batasan kajian

Dalam kajian ini guru-guru Sejarah yang mengajar subjek daripada Kumpulan Eksperimen 1 (seorang guru), Kumpulan Eksperimen 2 (seorang guru) dan Kumpulan Kawalan (seorang guru) sepanjang kajian ini adalah terdiri daripada guru-guru yang berpengalaman mengajar sejarah selama lebih daripada lima tahun. Guru-guru ini

tidak dipilih oleh pengkaji, mereka adalah guru-guru yang telah ditetapkan oleh sekolah masing-masing untuk mengajar mata pelajaran Sejarah. Guru-guru tersebut mungkin mempunyai peribadi, pengalaman dan kemahiran yang berbeza dan ini merupakan batasan bagi kajian ini. Walau bagaimanapun, pengkaji memastikan guru-guru yang mengajar subjek Kumpulan Eksperimen 1, Kumpulan Eksperimen 2 dan Kumpulan Kawalan adalah terdiri daripada mereka yang terlatih dan berpengalaman mengajar Sejarah lebih daripada lima tahun.

Murid yang dipilih untuk kajian ini adalah terhad kepada murid Tingkatan Empat daripada tiga buah sekolah menengah di kawasan subbandar Kulim, Kedah. Ketiga-tiga buah sekolah ini muridnya terdiri daripada lelaki dan perempuan dan pelbagai bangsa (Melayu, Cina dan India). Oleh yang demikian, dapatan kajian ini hanya dapat diitlakkan kepada kumpulan populasi yang mempunyai ciri-ciri yang sama.

Dari segi sekolah pula didapati pencapaian akademik sekolah-sekolah ini adalah setara. Sekolah-sekolah ini bukanlah sekolah terpilih atau kluster serta terkawal dari segi pencapaian akademiknya. Pencapaian kelulusan sekolah-sekolah ini dalam Peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) adalah antara 65% hingga 73% bagi tahun 2005, 2006 dan 2007 (Lampiran A). Namun demikian, faktor-faktor yang unik bagi setiap sekolah tersebut contohnya budaya sekolah, suasana sekolah dan pentadbiran sekolah adalah di luar kawalan pengkaji dan merupakan batasan kajian ini. Walau bagaimanapun pengkaji memastikan sekolah-sekolah yang terpilih untuk kajian ini adalah setara dari segi pencapaian akademiknya dan sepanjang kajian ini dijalankan tidak ada sebarang kursus atau taklimat teknik menjawab soalan, kem jaya diri atau kursus motivasi dijalankan di sekolah-sekolah tersebut yang boleh mempengaruhi dapatan kajian.

Dari segi aliran pula dalam ketiga-tiga kumpulan kajian iaitu Kumpulan Eksperimen 1, Kumpulan Eksperimen 2 dan Kumpulan Kawalan masing-masing terdiri daripada satu kelas aliran Sains dan satu kelas aliran Perdagangan. Setiap sekolah mewakili satu kumpulan kajian iaitu Kumpulan Eksperimen 1 daripada sebuah sekolah A, Kumpulan Eksperimen 2 daripada sekolah B dan Kumpulan Kawalan daripada sekolah C. Di setiap sekolah tersebut hanya terdapat satu kelas aliran Sains dan satu kelas aliran Perdagangan dan kelas-kelas tersebut dipilih untuk setiap kumpulan kajian. Murid Kumpulan Eksperimen 1, Kumpulan Eksperimen 2 dan Kumpulan Kawalan tidak dapat dipilih secara rawak malahan pengkaji memilih kumpulan kajian secara *intact group* dan ini merupakan batasan bagi kajian ini. Walau bagaimanapun, pengkaji telah berusaha untuk memastikan setiap kumpulan kajian iaitu Kumpulan Eksperimen 1, Kumpulan Eksperimen 2 dan Kumpulan Kawalan masing-masing terdiri daripada sebuah kelas aliran Sains dan sebuah kelas aliran Perdagangan. Seterusnya, pengkaji telah memberikan praujian bagi ketiga-tiga kumpulan bagi memastikan kesetaraan pencapaian sejarah dalam PMR bagi ketiga-tiga kumpulan.

Pengajaran sejarah di ketiga-tiga buah sekolah dijalankan selama dua waktu seminggu selama lapan minggu. Oleh itu faktor masa pengajaran masa tidak dapat dikawal oleh pengkaji. Oleh yang demikian, kesan pengajaran pada waktu yang berbeza tidak dapat dikawal oleh pengkaji dan merupakan batasan bagi kajian ini. Walau bagaimanapun, pengkaji telah memastikan pengajaran sejarah dilaksanakan di ketiga-tiga buah sekolah mengikut jangka masa yang sama iaitu empat waktu seminggu (160 minit). Pengkaji memantau dengan rapi pengajaran guru untuk Kumpulan Eksperimen 1, Kumpulan Eksperimen 2 dan Kumpulan Kawalan dengan mencerap sebanyak enam kali sewaktu kajian dijalankan bagi memastikan guru-guru

mengajar setiap langkah pengajaran dalam rancangan pelajaran mengikut kaedah Lima Fasa Needham dan kaedah STAD. Seterusnya, pengaji juga menyemak rekod pengajaran harian bagi guru yang terlibat dalam kajian setiap hari Khamis selama 14 minggu bagi memastikan aktiviti dalam fasa kaedah Lima Fasa Needham, kaedah STAD dan kaedah konvensional tidak bertindih atau aktiviti yang sama digunakan oleh ketiga-tiga kumpulan tersebut.

Praujian, pascaujian-1 dan pascaujian-2 telah dijalankan di ketiga-tiga buah sekolah pada hari yang sama. Ujian-ujian ini tidak dapat dijalankan serentak pada masa yang sama di ketiga-tiga buah sekolah disebabkan faktor pentadbiran jadual waktu sekolah yang berbeza. Oleh yang demikian, faktor keletihan murid semasa menduduki ujian selepas beberapa waktu pelajaran merupakan batasan kajian ini. Walau bagaimanapun, pengkaji telah memastikan praujian, pascaujian-1 dan pascaujian-2 dijalankan di ketiga-tiga buah sekolah pada waktu pagi sebelum rehat.

1.9 Definisi Operasional

a) Kaedah Lima Fasa Needham (kaedah LFN)

Kaedah ini dibentuk oleh Needham pada tahun 1987. Beliau menghasilkan kaedah ini berdasarkan Teori Konstruktivisme bagi mengajar mata pelajaran Sains. Untuk perbincangan seterusnya dalam kajian ini istilah LFN akan digunakan. Kaedah ini juga telah dilaksanakan sebagai *Children Learning in Science Project* (Scot, 1987). Kaedah LFN ini boleh digunakan oleh guru bagi menyediakan langkah-langkah pengajaran mengikut lima fasa iaitu fasa orientasi, pencetusan idea,

penstrukturan semula idea, aplikasi idea dan refleksi. Aktiviti dalam setiap fasa tersebut melibatkan murid secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

b) Kaedah STAD

Kaedah STAD merupakan salah satu kaedah dalam pendekatan koperatif. Kaedah STAD (*Students Teams Achievement Divisions*) dibentuk oleh Slavin (1978). Kaedah STAD merupakan satu kaedah yang berpusatkan murid. Kaedah ini menekankan pembelajaran dalam kumpulan. Setiap kumpulan terdiri daripada empat hingga lima orang murid yang mempunyai pelbagai tahap pencapaian, jantina dan latar belakang. Turutan aktiviti pengajaran dan pembelajaran di bawah kaedah STAD adalah a) Penyampaian kandungan mata pelajaran oleh guru b) Guru memberi tugas kepada setiap kumpulan, murid berbincang dalam kumpulan masing-masing dan bekerjasama untuk menyelesaikan tugas yang diberikan oleh guru c) pengiraan skor pembentangan hasil perbincangan diikuti dengan kuiz spontan dan d) pengiktirafan kepada kumpulan yang berjaya. Dalam kajian ini Kumpulan Eksperimen 2 diajar dengan menggunakan kaedah STAD.

c) Kaedah konvensional

Kaedah konvensional bermaksud pengajaran berpusatkan guru. Sewaktu pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah guru yang menguasai dan mengawal segala aktiviti pelajaran. Menurut (Goodlad,1996 ; Perrault & Issacson, 1995) konsep pengajaran dan pembelajaran konvensional seolah-olah guru menuangkan isi pelajaran ke dalam otak murid yang dianggap pasif. Seterusnya, dalam pengajaran konvensional guru mengabaikan pengetahuan sedia ada murid. Pada anggapan guru konvensional pembelajaran berlaku melalui pengajaran guru di bilik darjah dan

berpusatkan buku teks. Selain itu, guru juga tidak mengambilkira kelainan tahap kebolehan, latar belakang dan pengalaman murid (Brooks, 1999). Dalam kajian ini Kumpulan Kawalan diajar dengan kaedah konvensional selama empat belas minggu.

d) Murid Tingkatan Empat

Murid-murid yang berumur 16 hingga 17 tahun. Mereka ini telah menduduki Peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR). Murid-murid ini mempelajari Sejarah Tingkatan Empat sebagai satu mata pelajaran teras mengikut sukatan pelajaran yang telah ditetapkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia.

e) Pencapaian murid dalam Sejarah

Pencapaian merujuk kepada tingkat kecekapan yang dicapai dalam bidang akademik atau persekolahan atau pencapaian akademik yang merujuk kepada skor atau gred yang dicapai oleh murid dalam sesuatu ujian atau peperiksaan. Dalam kajian ini pencapaian yang dititikberatkan ialah prestasi murid dalam praujian, pascaujian-1 dan pascaujian-2.

f) Soal selidik kemahiran sosial

Menurut Jacobs (1998) kemahiran sosial ialah keupayaan seseorang untuk berinteraksi dengan masyarakat dalam semua keadaan. Dalam kajian ini kemahiran sosial ialah kemahiran murid berkomunikasi seperti menyuarakan pendapat, menerima pendapat ataupun mendapat maklum balas dan membuat rumusan tanpa menyakitkan perasaan ahli kumpulan yang lain. Pengkaji menggunakan soal selidik kemahiran sosial yang telah dibina oleh Lumpe, Haney dan Czerniak (1998). Soal